

GARIS PANDUAN BEKERJA MENGGUNAKAN KREN

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan, pemahaman dan rujukan kepada setiap kontraktor yang dilantik melakukan kerja di dalam kawasan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 SKOP

Garis panduan ini digunapakai bagi setiap Kerja Kren di dalam kawasan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Peraturan 20, Peraturan-peraturan (Orang Menjaga) Kilang dan Jentera
- 3.2 Perintah Khas Ketua Pemeriksa Bilangan 2 Tahun 2020 Pengurusan dan Pengendalian Selamat Kren Bergerak

4.0 DEFINISI / SINGKATAN

JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Sijil PMA	Perakuan Mesin Angkat ialah sijil yang dikeluarkan oleh pihak JKKP bagi mengesahkan Kren telah diperiksa dan berada dalam keadaan baik.
Kren	Kren adalah jentera mekanikal yang dikendalikan oleh seorang operator yang dilengkapi dengan tali hoist, tali wayar, rantai dan kerek yang kebiasaannya digunakan untuk mengangkat barang-barang berat atau memindahkan satu-satu barang.
Kerja Kren	Kerja-kerja yang melibatkan penggunaan Kren.
ePTW	<i>Permit to Work</i> secara dalam talian (<i>on-line</i>).
PTW	Permit to Work. Kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat OSHE kepada kontraktor yang menjalankan Kerja Kren di dalam kawasan Universiti.
Hazard	Punca atau keadaan yang berpotensi mengakibatkan kemudaratan kepada manusia sama ada kecederaan atau

	penyakit, kemusnahan harta benda, kerosakan persekitaran tempat kerja atau gabungannya.
Pengurus Projek	Pengurus Projek adalah orang yang bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan projek dengan baik supaya dapat disiapkan mengikut kos, tempoh masa dan kualiti yang ditetapkan.
Penyelia	Orang yang dilantik oleh pihak kontraktor bagi memantau Kerja Kren dijalankan.
<i>Signalman</i>	Orang yang memberi isyarat tangan dan berkomunikasi dengan operator Kren ketika kerja-kerja mengangkat / menurunkan barang dijalankan.
<i>Flagman</i>	Orang yang memberi isyarat menggunakan bendera bagi mengawal lalulintas.
<i>Rigger / Slingman</i>	Juru tali / juru ikat yang mempunyai kemahiran dalam melakukan pengikatan barang serta membantu kelancaran operasi peralatan angkat.
SOP Kerja Kren	<i>Safety Operating Procedures</i> . Prosedur Kerja Selamat yang disediakan bagi memastikan keselamatan semasa Kerja Kren dilakukan.

5.0 SEBELUM MELAKUKAN KERJA KREN

- 5.1 Pihak kontraktor perlu memohon ePTW Kerja Kren ke Pejabat OSHE sekurang-kurangnya 3 hari sebelum memulakan kerja dengan menyediakan semua dokumen yang berkaitan.
- 5.2 Pihak kontraktor hendaklah memastikan setiap-pekerja yang terlibat di dalam Kerja Kren mempunyai tahap kesihatan yang baik.
- 5.3 Setiap pekerja yang terlibat di dalam Kerja Kren hendaklah mengikuti Taklimat Keselamatan dari Pegawai OSHE
- 5.4 Pengurus Projek hendaklah memastikan Kren yang digunakan mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan (PMA) yang sah.
- 5.5 Operator Kren hendaklah mempunyai Sijil Pendaftaran Pengendalian Kren yang berdaftar dengan JKPP.
- 5.6 Pengurus Projek perlu mengenalpasti risiko di sekeliling lokasi Kren ditempatkan (bangunan, kabel elektrik, orang awam dll).
- 5.7 Pengurus Projek dan Operator Kren perlu memastikan kren diletakkan di atas tapak yang kukuh dan stabil (keras, padat dan rata).

- 5.8 Operator Kren hendaklah menjalankan kerja-kerja memeriksa dan menguji peranti keselamatan pada kren.
- 5.9 Operator Kren hendaklah melakukan pemeriksaan terhadap peralatan mengangkat (*lifting gear*) dan memastikan ia berada dalam keadaan baik.
- 5.10 Kawasan sekitar Kerja Kren hendaklah dikepung atau dipagar untuk tujuan keselamatan.
- 5.11 Pengurus hendaklah melantik Penyelia Mengangkat (*lifting supervisor*), juru isyarat (*signalman*) dan juru tali (*slinger / rigger*) yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran berkaitan.

6.0 SEMASA MELAKUKAN KERJA KREN

- 6.1 Setiap pekerja yang terlibat dengan aktiviti Kerja Kren hendaklah mematuhi Prosedur Kerja Selamat.
- 6.2 Operator Kren hendaklah sentiasa mematuhi Carta Beban Kren (*load charts*) yang ditetapkan.
- 6.3 Operator Kren hendaklah memastikan beban yang diangkat tidak melebihi kapasiti yang ditetapkan.
- 6.4 Operator Kren hendaklah dapat melihat dengan jelas kedudukan pekerja yang menjalankan kerja dan beban yang diangkat.
- 6.5 Operator Kren perlu memastikan tindakannya mengendalikan kren tidak membahayakan dirinya dan orang lain.
- 6.6 Pengurus Projek atau Penyelia hendaklah memastikan Kerja Kren yang dilakukan tidak melangkaui kawasan Kerja Kren yang telah ditetapkan.
- 6.7 Pengurus Projek atau Penyelia dari pihak kontraktor hendaklah memberhentikan aktiviti Kerja Kren ketika cuaca buruk (*hujan lebat/ banjir/ guruh/ petir/ kilat*) di sekitar kawasan bekerja (kecuali Kerja Tempat Tinggi di dalam bangunan)
- 6.6 Pengurus Projek atau Penyelia dari pihak kontraktor hendaklah memberhentikan aktiviti Kerja Kren dengan serta merta sekiranya berlaku sebarang insiden kemalangan dan perlu memaklumkan kepada Pejabat OSHE dengan kadar segera.

7.0 SELEPAS MELAKUKAN KERJA KREN

- 7.1 Pengurus Projek atau Penyelia dari pihak kontraktor hendaklah memastikan laluan dan lalu lintas untuk kren keluar dari kawasan kerja adalah selamat.

- 7.2 Pengurus Projek atau Penyelia dari pihak kontraktor hendaklah memastikan kren keluar dari kawasan kerja dengan keadaan yang bersih (bebas dari tanah yang melekat pada tayar).
- 7.3 Pengurus Projek atau Penyelia dari pihak kontraktor hendaklah memastikan kawasan Kerja Kren dikemas dan dibersihkan dengan baik selepas selesai kerja.